

Nasharuddin kekal timbalan presiden PAS
Malaysiakini.com
Jun 3, 2007

Perwakilan PAS memutuskan untuk mengekalkan imej kesederhanaan dalam parti Islam itu, khususnya dalam menghadapi pilihanraya umum, apabila memilih untuk mengekalkan Nasharuddin Mat Isa sebagai timbalan presiden.

Dalam pemilihan pucuk pimpinan parti itu, Nasharuddin Mat Isa mengekalkan jawatannya dengan menewaskan pencabarnya Datuk Harun Taib dengan majority 207 undi.

Nasharuddin mendapat 574 undi manakala Harun – seorang pemimpin kanan dari golongan ulama dalam parti itu, mendapat 367 undi.

Manakala dua lagi pemimpin golongan profesional, Datuk Husam Musa dan Mohamad Sabu turut mengekalkan jawatan naib presiden.

Husam yang juga ahli Exco kerajaan negeri Kelantan mendapat 831 undi manakala Mohamad memperolehi 666 undi.

Berikutan itu, seorang lagi pemenang jawatan naib presiden ialah Ahmad Awang yang mendapat 427 undi

Datuk Dr Hasan, seorang lagi penyandang jawatan naib presiden dari golongan profesional, tidak mempertahankan jawatannya kali ini.

Jawatankuasa kerja pusat

Dua lagi calon naib presiden, Dr Mahfouz Mohamed yang juga pesuruhjaya PAS Johor dan bekas ketua Dewan Pemuda PAS pusat, Mahfuz Omar masing-masing menduduki tempat keempat dan kelima.

Manaka mereka yang terpilih menganggotai Jawatankuasa Kerja PAS Pusat bagi sesi 2007-2009 ialah Pesuruhjaya PAS Pahang, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang mendapat undi tertinggi 821 undi; Idris Ahmad (763), Abdul Ghani Samsuddin (744), Datuk Abu Bakar Chik (681), Syed Azman Ahmad Nawawi (658), Dr Iolo Ghazali (651), Abdul Ghani Abdul Rahman (639), Hanippa Maidin (636), Mujadid Yusof Rawa (622), Ameruddin Hamzah (605), Azizan Abdul Razak (601), Datuk Taib Azimuddin (584), Anuar Tan Abdullah (543), Dr Zulkifli Ahmad (541), Mazlan Aliman (537), Nik Amar Abdullah (522), Datuk Abdul Halim Abdul Rahman (513) dan Datuk Takiyuddin Hassan (504).

Seramai 37 calon menawarkan diri bertanding bagi jawatankuasa kerja PAS Pusat.

Keputusan pemilihan itu diumumkan oleh Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) PAS, Datuk Wan Abdul Mutalib Embong kira-kira jam 12.50 tengah hari ini.